

# Kembara Nusantara Rakan Muda UPM

Oleh Rosniza Mohd Taha  
[yoniza@bharian.com.my](mailto:yoniza@bharian.com.my)

**S**ERAMAI 20 ahli Sekretariat Rakan Muda Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan lawatan ke Medan, Indonesia, baru-baru ini bagi mempelajari adat dan cara hidup masyarakat negara itu.

Pengarah program, Mohd Akhbar Al-Has, berkata program enam hari lima malam itu mendedahkan peserta kepada kaedah pembelajaran universiti negara, destinasi pelancongan semula jadi serta serta mendekati golongan kurang bernasib baik negara jiran itu.

Antara pengisian program, katanya, ialah dialog bersama Rakan Muda Luar Negara di Universitas Sumatera Utara dan



AHLI Sekretariat Rakan Muda UPM bergambar kenangan di Medan.

pelajar Fakultas Teknik Mesin serta Fakultas Perubatan.

Beliau berkata, peserta turut melawat destinasi menarik termasuk Pulau Samosir, Danau Toba, Parapat dan Berastagi bagi

melihat sendiri keajaiban dunia.

Pada hari terakhir lawatan, peserta berpeluang menjalankan projek khidmat masyarakat bersama Sukarelawan Rakan Muda Luar Negara bagi

memberikan sumbangan derma dan barangan, contohnya, telekung, sejadah serta pakaian terpakai kepada Rumah Kebajikan Anak Yatim Islam Medan.